

立德



金殿堂

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

国文

Bahasa Melayu

Tahun

6

6

set
Pentaksiran
Sumatif

+

2

set
Model Pentaksiran UAS
yang boleh dileiraikan



*Sesuai untuk Pentaksiran Bilik Darjah PBD



Nama



Kelas



Masa: 1 Jam 15 Minit**Bahagian A****/ 10 Markah****Soalan 1 dan 2***Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

1. Air sungai itu menjadi _____ kerana banyak sampah sarap dibuang ke dalamnya.
A jernih
B keruh
C cetek
D pasang

2. Kerepek ubi di dalam bekas itu telah _____ kerana penutupnya tidak ditutup dengan rapat.
A keras
B lemau
C lembik
D lembut

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

3. A Bau bunga ros yang kembang mekar itu sungguh payau.
B Eh, sakitnya kaki saya ini kerana terlanggar bucu meja tadi!
C Seluar Danish sudah longgar kerana berat badannya telah turun.
D Burung murai itu kelihatan tampil di atas pagar rumah Mak Cik Senah.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Penduduk Taman Semenyih Indah telah mengadakan aktiviti gotong-royong perdana pada 20 Jun 20___. Gotong-royong tersebut merupakan aktiviti tahunan dan ramai penduduk yang mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut.

Aktiviti gotong-royong tersebut bermula pada jam 8 pagi hingga jam 12 tengah hari. Tujuan aktiviti itu dijalankan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain serta menjaga kebersihan kawasan perumahan bersama-sama.

Antara kawasan titik panas yang perlu dibersihkan adalah seperti kawasan longkang, lorong belakang rumah dan pasu bunga. Tujuan pembersihan ini dilakukan bagi memastikan tiada air bertakung dan air dapat mengalir dengan lancar. Semak samun turut dicantas agar kelihatan lebih bersih. Selain itu, sampah sarap juga dikutip dan dibuang mengikut kategori tong kitar semula.

4. Bilakah aktiviti gotong-royong itu diadakan?
- A 20 Jun 20___ B 20 Julai 20___
C 8 Oktober 20___ D 12 Februari 20___
5. Pilih pernyataan yang **benar** berkaitan petikan.
- A Aktiviti gotong-royong Taman Semenyih Indah akan bermula sehingga jam 11 pagi.
B Tujuan gotong-royong tersebut adalah untuk menjaga kebersihan kawasan perumahan.
C Ramai anak muda di Taman Semenyih Indah mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut.
D Selepas aktiviti gotong-royong diadakan, Taman Semenyih Indah mengadakan jamuan makan tengah hari.
6. Berikut ialah aktiviti yang dilakukan semasa gotong-royong tersebut diadakan berdasarkan petikan *kecuali* _____.
- A mengecat dewan komuniti di Taman Semenyih Indah
B semak samun dicantas agar persekitaran kelihatan lebih bersih
C membersihkan longkang, lorong belakang rumah dan pasu bunga
D mengutip sampah sarap dan dibuang mengikut kategori tong kitar semula

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Murid-murid tahun enam di SJKC Taman Saujana telah menghadiri ceramah kesihatan mental. Mereka diberi penerangan berkaitan cara menangani stres dengan bijak. Penceramah tersebut menerangkan beberapa faktor, tanda dan cara untuk menangani stres.

Penceramah menasihati semua murid agar sentiasa mengamalkan 10B dalam kehidupan seharian agar dijauhkan daripada stres. Hal ini dikatakan demikian kerana, stres boleh menyebabkan gangguan pada kesihatan mental dan bertindak *agresif*. Topik yang dibentangkan sememangnya sangat baik kerana dapat memberikan pendedahan awal tentang cara-cara menjaga kesihatan mental dengan baik.

BAHAN 2

Menangani Stres Dengan Bijak

Stres adalah tindak balas fizikal (badan), emosi (perasaan) dan mental kepada sebarang perubahan

Kenapa anda stres?

- Diri sendiri - Harapan terlalu tinggi
- Keluarga - konflik rumah tangga, kewangan & tragedi
- Pekerjaan - beban kerja
- Konflik dengan rakan sekerja

AMALKAN 10B

- Bersyukur
- Bernafas Dengan Teratur
- Bicara Diri
- Beribadat
- Berkongsi Perasaan
- Berehat dan Berurut
- Mendengar Muzik
- Beriadah
- Bersenam
- Berfikir Positif

Tanda-tanda Stres

- Letih Keterlalu
- Sakit Kepala
- Cepat Marah
- Gelisah
- Gangguan Tidur
- Perubahan Selera Makan
- Tingkah Laku Agresif

Apa Yang Harus Anda Lakukan Apabila Marah?

- Bertenang - tarik nafas dengan mendalam dan lepaskan perlahan-lahan.
- Kenal pasti punca anda marah - Jika tidak dapat mengawal keadaan, tinggalkan tempat dengan serta-merta.
- Berbincang dengan keluarga atau rakan

Sumber:
Unit Kesihatan Mental,
Bahagian Kawalan Penyakit KKM

7. Stres merupakan tindak balas fizikal, emosi dan _____ kepada sebarang perubahan.
- A rohani
 - B mental
 - C jasmani
 - D sanubari
8. Kita perlulah bernafas dengan teratur dan perlu berkongsi perasaan kepada orang yang dipercayai.
- Pernyataan yang diberi merupakan _____.
- A faktor berlaku stres
 - B kesan daripada stres
 - C cara menangani stres
 - D definisi kesihatan mental
9. Perkataan *agresif* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** bermaksud _____.
- A cenderung rendah diri
 - B cenderung keganasan
 - C cenderung kedamaian
 - D cenderung menyerang
10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Amalkan 11B untuk mengawal diri daripada stres.
 - B Semua murid SJKC Taman Saujana menghadiri ceramah kesihatan mental.
 - C Jika tidak dapat mengawal kemarahan, tinggalkan tempat dengan serta merta.
 - D Penceramah mengedarkan poster menangani stres kepada murid-murid SJKC Taman Saujana.

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kita perlulah memelihara keseimbangan alam sekitar. Alam sekitar yang bersih akan menjadikan kehidupan kita lebih baik. Antara cara mengatasi pencemaran alam sekitar adalah dengan berkongsi kereta terutamanya bagi mereka yang bekerja di tempat kerja yang sama.

Selain itu, penggunaan produk mesra alam mampu menjaga alam sekitar. Amalan menggunakan produk mesra alam amat digalakkan kerana tidak akan mencemarkan alam. Kita hendaklah bertanggungjawab menghentikan pencemaran alam untuk kesejahteraan semua. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika alam sekitar tidak dijaga, kesihatan manusia juga akan terjejas.

- (a) Alam sekitar yang bersih akan menjadikan _____.

[1 markah]

- (b) Apakah cara untuk mengatasi pencemaran alam?

[2 markah]

- (c) Gariskan **satu kata hubung** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Amalan menggunakan produk mesra alam amat digalakkan kerana tidak akan mencemarkan alam.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat diberikan.

Kita hendaklah bertanggungjawab menghentikan pencemaran alam untuk kesejahteraan semua.	
Pencemaran alam hendaklah bertanggungjawab untuk menghentikan kesejahteraan kita semua.	
Untuk kesejahteraan semua, kita hendaklah bertanggungjawab menghentikan pencemaran alam.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Sekolah kamu akan mengadakan lawatan sambil belajar ke Bandaraya Bersejarah Melaka. Kamu sememangnya berminat untuk mengikuti lawatan tersebut. Namun, ibu bapa kamu menasihati kamu untuk tidak mengikuti lawatan tersebut kerana tarikh lawatan tersebut sangat hampir dengan tarikh peperiksaan pertengahan tahun.


Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[illegible]

[5 markah]



CARA MENJAGA KESIHATAN MENTAL DAN FIZIKAL

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.

Eliteguh Industries Sdn. Bhd.

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

COVID-19
#kitamestimenang

**CEGAH COVID-19:
AMALKAN NORMA BAHARU**



Kerap Membasuh Tangan



Penjarakan Fizikal



Guna Pelitup Muka

**ELAKKAN
3S**

1 Sesak
(Crowded Places)



Tempat yang sesak

2 Sempit
(Confined Spaces)



Tempat sempit dan tertutup

3 Sembang Dekat
(Close Conversations)



Bersembang dekat-dekat


Kementerian Kesihatan Malaysia


Agenda Nasional Malaysia


myhealthkkm

